

Najib Jemput Umat Islam Sertai Solat Hajat Di Masjid WP Khamis
Bername
12 Feb, 2014

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menjemput umat Islam menyertai majlis solat hajat untuk kemakmuran dan keamanan negara di Masjid Wilayah Persekutuan di sini, mulai 6 petang Khamis.

"Semoga usaha ini akan beroleh keberkatan dan keredaanNya, Insya-Allah," kata beliau dalam catatan terbaharu di laman Facebook.

Najib turut dijadual menghadiri majlis itu yang dianjurkan 1Malaysia For Youth dan masjid berkenaan.

Majlis akan dimulai dengan tazkirah serta ceramah, disusuli solat Maghrib, bacaan Yasin, solat Isyak dan solat hajat sebelum diakhiri dengan jamuan malam.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014101>